

31 JAN 1999

LTdL-Mahathir

LTdL PAMER SUASANA HARMONI SEBENAR NEGARA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi kali ini (LTdL 1999) akan menunjukkan kepada dunia mengenai keindahan dan suasana harmoni sebenar negara ini.

"Ketika perlumbaan menyusuri seluruh ceruk dan rantau di negara ini, adalah menjadi harapan saya agar keindahan dan suasana harmoni sebenar di negara ini dapat ditunjukkan kepada dunia," katanya dalam perutusan yang diterbitkan majalah rasmi LTdL.

Dr Mahathir berkata melalui LTdL, Malaysia sudah pasti akan mendapat promosi yang meluas menerusi liputan rangkaian televisyen dunia yang menyeluruh.

Beliau yakin walaupun secara kecil, ini akan membantu mengikis pandangan negatif beberapa negara asing terhadap Malaysia.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada penganjur perlumbaan, First Cartel, yang berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan kejayaan ini.

Ini kerana beliau difahamkan untuk mendapat kenaikan taraf dari Union Cycliste Internationale (UCI) sesebuah perlumbaan itu mesti mengekalkan kecekapan di tahap tinggi.

Sambil mengalu-alukan para peserta ke perlumbaan ini, Dr Mahathir berkata perlumbaan tahun ini dijangka lebih meriah dan mencabar dengan peningkatan statusnya ke 2.4.

Seramai 150 pelumba dari 25 pasukan dijangka menyertai perlumbaan sejauh 1,773.5km yang mengandungi 12 peringkat dengan menawarkan hadiah RM1.5 juta.

Perlumbaan itu menarik minat banyak pasukan kebangsaan dan kelab profesional terkemuka dunia terutama dari Itali seperti Mapei Quickstep dan kelab profesional terkemuka Amerika Syarikat, Saturn.

Peringkat pertama perlumbaan bermula di Langkawi untuk ujian masa individu 9.2km dan Kriteria 50km diikuti peringkat kedua dari Kangar ke Georgetown sejauh 165.9km, Seberang Jaya-Kuala Kangsar (103km), Ipoh-Bentong (217.4km), Kuala Lumpur City Centre-Port Dickson (156.3km), Melaka-Johor Baharu (223.7km), Kota Tinggi-Pekan (232.1km), Kuantan-Kuala Terengganu (197.1km), Kuala Terengganu-Kota Baharu (155.5km), Pasir Mas-Grik (197.2km), Tapah-Genting Highlands (125km) dan peringkat ke-12 Kriteria Kuala Lumpur (80km).

Sementara itu, Setiausaha Jawatankuasa penyelaras peringkat Langkawi Syed Shaharuddin Syed Abdullah berkata lima acara sampingan iaitu perlumbaan basikal untuk pelajar sekolah, basikal berbukit, pertunjukan taekwando, kebudayaan dan pancaragam akan diadakan bagi memeriahkan LTdL.

Sambutan yang diterima daripada pelajar dan penduduk Langkawi menggalakkan, katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras hari ini.

Katanya kira-kira 250 pelajar dari 25 buah sekolah menengah dan rendah akan menyertai perlumbaan basikal pelajar pada Selasa ini manakala 60 peserta setakat ini mengesahkan mengambil bahagian dalam acara perlumbaan basikal berbukit.

Seramai 37 pelajar Sekolah Kebangsaan Seri Negeri Kuah pula akan mempamerkan kecekapan mereka semasa persembahan pancaragam untuk perlumbaan LTdL yang akan bermula Rabu ini, katanya.

-- BERNAMA

NH ZI AKD

